



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**7 Disember 2020  
21 Rabiulakhir 1442H**

| SENARAI AKHBAR                      | TAJUK  |
|-------------------------------------|--|
| <b>Utusan Malaysia</b>              | <ul style="list-style-type: none"><li>• Seni warisan lukah jangan dilupa</li></ul>                         |
| <b>Berita Harian</b>                | <ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>  |
| <b>Harian Metro</b>                 | <ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>  |
| <b>Kosmo !</b>                      | <ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>  |
| <b>Sinar Harian</b>                 | <ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>  |
| <b>The Star</b>                     | <ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>  |
| <b>New Straits Time</b>             | <ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>  |
| <b>Nanyang Siang Pau</b>            | <ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>  |
| <b>Malaysia Gazette</b>             | <ul style="list-style-type: none"><li>• NGO ajak rakyat Malaysia doakan Covid-19 segera berakhir</li></ul> |
| <b>Harakah</b>                      | <ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>  |
| <b>Malaysia Dateline</b>            | <ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>  |
| <b>Bernama</b>                      | <ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>  |
| <b>See Hua Daily News (Kuching)</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>  |
| <b>Guan Ming Daily</b>              | <ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>  |
| <b>Sin Chew Daily</b>               | <ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>  |


| JENIS AKHBAR      |         |                   |                |                   |         | MUKA SURAT | TARIKH       |
|-------------------|---------|-------------------|----------------|-------------------|---------|------------|--------------|
| UTUSAN MALAYSIA   | ✓       | KOSMO!            | THE STAR       | NANYANG SIANG PAU |         |            |              |
| BERITA HARIAN     |         | SINAR HARIAN      | THE SUN        | ORIENTAL DAILY    |         |            |              |
| HARIAN METRO      |         | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI          |         |            |              |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF |                   | NEGATIF        |                   | NEUTRAL |            | 51 7/12/2020 |

UTUSAN MALAYSIA  
ISNIN • 7 DISEMBER 2020

21

# Gaya

WARISAN



ABU Hassan menyiapkan lukah bersaiz lebih besar daripada dirinya bagi tujuan pameran. -UTUSAN/NORAINNA HAMZAH

## Seni warisan lukah jangan dilupa

Oleh NORAINNA HAMZAH  
utusannews@mediamulia.com.my

**J**ANGAN meracun ikan, jangan menuba ikan, jangan menayo ikan, buat lukah tangkap ikan, buat lukah tangkap ikan, buat lukah tangkap ikan.

Bait-bait kata berkenaan merupakan lirik dan lagu yang dicipta seorang pembuat lukah, Abu Hassan Mohd., 86, yang sejak usia 13 tahun sudah mahir membuat peralatan menangkap ikan itu.

Kemahiran itu diwarisi daripada datuknya, Mohamad Amin, ketika menetap di Kampung Lubok China, Melaka dan ilmu berkenaan kemudiannya dijadikan hobi utama sejak menetap di Felda Pasir Besar, Gemas.

“

Langkah pertama ialah memilih buluh yang baik, bukannya buluh bagi membuat lemang tetapi buluh tali.

Sejak itu dia mula kerap membuat lukah seawal tahun 80-an bagi menangkap ikan. “Sudah tak terkira berapa banyak saya buat lukah, mungkin sudah hampir 1,000 tapi apa yang membuatkan saya sedih tiada golongan pelapis untuk saya wariskan kemahiran ini yang merupakan seni

tradisi menangkap ikan orang Melayu duhu-duhu.

“Malah sehingga kini impian saya untuk mempunyai bengkel sendiri dengan sokongan agensi kerajaan bagi memberikan kelas kepada generasi muda untuk membuat lukah juga masih belum tercapai,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Peringkat 1, Felda Pasir Besar Gemas, Tampin, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Abu Hassan berkata, pembuatan lukah tidak begitu rumit dan hanya memerlukan masa tiga hari untuk menghasilkan lukah bersaiz sederhana.

Malah menurutnya, bahannya juga mudah ditemui iaitu buluh, akar periuk kera ataupun digantikan dengan besi atau tali rafia.

“Langkah pertama ialah memilih buluh yang baik, bukannya buluh bagi membuat lemang tetapi buluh tali. Kemudian, kita ukur berapa panjang lukah yang nak kita buat dan baharulah kita potong dan jemur.

“Buluh berkenaan kemudiannya diraut daripada saiz besar ke kecil di bahagian hujungnya. Kemudian kita fokuskan pulak membuat bahagian kepala lukah,” katanya lagi.

Menurutnya, di bahagian hujung dalam lukah terdapat lubang untuk membolehkan ikan masuk di mana terdapat bilah rotan yang runcing dan tajam yang disusun menjadinya seperti kon di sepanjang laluan ikan.

“Kadang-kadang saya kecewa bila seni seperti ini tidak dapat dikongsikan

kepada generasi muda. Sekurang-kurangnya bila ralilah ilmu ini ada pada anak muda.

“Kalau mereka tinggal berdekatan sungai, mereka boleh jadiikan lukah ini sebagai sumber makanan mereka. Datuk saya dulu selalu pesan, tak payah makan ikan kalau tak pandai buat lukah,” katanya.

Bagaimanapun menurutnya, arwah datuknya itu ada membuat lukah bersaiz besar sehingga buaya juga boleh masuk ke dalam lukah berkenaan ketika dipasang di sungai di Lubuk China.

“Lukah ni bagus, kita tak anaya ikan dan anak-anak ikan. Kalau diracun, dituba banyak ikan yang akan mati, tanpa rasanya” katanya kesal.

Bersambung di muka 22

| JENIS AKHBAR      |                   |                |                   |  |  | MUKA SURAT | TARIKH    |
|-------------------|-------------------|----------------|-------------------|--|--|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA   | ✓ KOSMO !         | THE STAR       | NANYANG SIANG PAU |  |  |            |           |
| BERITA HARIAN     | SINAR HARIAN      | THE SUN        | ORIENTAL DAILY    |  |  |            |           |
| HARIAN METRO      | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI          |  |  |            |           |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF           | NEGATIF        | NEUTRAL           |  |  | 22         | 7/12/2020 |

22 | UTUSAN MALAYSIA  
ISNIN • 7 DISEMBER 2020

## Gaya • WARISAN

ABU Hassan (kiri) dan Samsuri Said menunjukkan lukah yang dihasilkan.



Dari muka 21

### BERHENTI KERJA, MAMU KOMERSIALKAN LUKAH

Bagi Samsuri Said, 56, dia nekad berhenti kerja dalam tempoh 24 jam sebagai pengurus landskap di sebuah hotel di Melaka bagi membantu Abu Hassan merealisasikan hasrat membuka bengkel pembuatan lukah.

Menurutnya, dia tidak tahu sama ada keputusana yang dibuatnya kira-kira dua bulan lalu itu tepat atau sebaliknya. Namun hasratnya adalah bagi menghasilkan lukah secara komersial.

"Pendemik Covid-19 ini menyebabkan saya kembali ke pangkal jalan mencari warisan Melayu yang ditinggalkan dan kebetulan saya bertemu dengan pak cik Abu Hassan di kedai makan di Felda ini," katanya.

Menurutnya, Abu Hassan yang digelarnya sebagai guru meluahkan rasa sedih dan bimbang tiada pelapis bagi mewarisi kemahiran membuat lukah darinya.

"Dia telah meluangkan rintihannya berpuluhan-puluhan tahun lalu yang membuat lukah tanpa sebarang sokongan. Dia berharat untuk membuat kelas serta memiliki bengkel pameran lukah."

"Jadi saya berikan ruang menggunakan rumah pusaka bapa saya di Felda ini sebagai bengkel dan sejak dua bulan lalu, saya mula belajar menghasilkan lukah," katanya.

Menurut Samsuri lagi, Abu Hassan mengajarnya daripada langkah pertama iaitu memilih buluh, mengukur saiz dan memotong buluh mengikut saiz lukah yang ingin dihasilkan.

"Saya sudah mampu membuat lukah malah kini saya sedang berusaha

untuk mengkomersialkan pembuatan lukah ini untuk dijadikan perhiasan, hadiah ataupun digunakan mengikut fungsinya iaitu menangkap ikan.

"Jika sebelum ini, pak cik Abu Hassan memang menghasilkan lukah khusus bagi menangkap ikan, kini, sudah tiba masanya mengkomersialkan produk seni tradisi masyarakat Melayu ini," katanya.

Tambahnya, baru-baru ini mereka dikunjungi oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gemas, Datuk Abd Razak Ab. Said dan dia amat berharap agar kunjungan berkenaan menjadi pembuka kepada produk lukah mereka agar lebih dikenali.

ANTARA lukah yang dihasilkan.



| JENIS AKHBAR      |                   |         |                |         |                              |         | MUKA SURAT | TARIKH           |
|-------------------|-------------------|---------|----------------|---------|------------------------------|---------|------------|------------------|
| UTUSAN MALAYSIA   | KOSMO !           |         | THE STAR       |         | NANYANG SIANG PAU            |         |            |                  |
| BERITA HARIAN     | SINAR HARIAN      |         | THE SUN        |         | ORIENTAL DAILY               |         |            |                  |
| HARIAN METRO      | NEW STRAITS TIMES |         | THE MALAY MAIL |         | PELBAGAI<br>MALAYSIA GAZETTE | ✓       |            |                  |
| KATEGORI LIPUTAN: |                   | POSITIF |                | NEGATIF |                              | NEUTRAL |            | ONLINE 7/12/2020 |

# NGO ajak rakyat Malaysia doakan Covid-19 segera berakhir

By  
Nizam Zain

5 December 2020



Pengasas Yayasan Winner Emperor Sedunia, Datuk Seri Liow Soon Hee (tengah) sedang melepaskan anak ikan keli di Sungai Langat, Banting, Selangor hari ini.

BANTING – Yayasan Winner Emperor Sedunia hari ini melepaskan sejuta anak ikan keli ke dalam Sungai Langat, di sini sebagai simbolik mendoakan kesihatan, kesejahteraan dan kebaikan kepada semua rakyat Malaysia yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Pengasas Yayasan itu, Datuk Seri Liow Soon Hee berkata, mengikut kepercayaan orang Cina, dengan cara itu dapat membebaskan rakyat Malaysia daripada kesusahan yang dibawa oleh wabak membawa maut itu.

"Dengan adanya acara simbolik pelepasan sejuta anak ikan ini, kami ajak semua rakyat Malaysia berdoa mengikut agama masing-masing agar kesusahan yang dihadapi sekarang berakhir berakhir secepat mungkin.

"Kita memohon agar semua orang tanpa mengira agama, kaum dan bangsa keluar atau bebas daripada kesusahan seperti bebasnya ikan di dalam air sungai," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Terdahulu Soon Hee bersama pemimpin masyarakat setempat di sini menyempurnakan upacara pelepasan sejuta anak ikan keli ke dalam Sungai Langat di rumah ibadat Persatuan Penganut Nan Hai Guan Yin Sze, dekat sini.



Pengasas Yayasan Winner Emperor Sedunia, Datuk Seri Liow Soon Hee (dua kanan) menyerahkan sumbangan barang keperluan asas kepada 100 keluarga yang memerlukan di Banting, Selangor hari ini.

Bagi meluaskan mesej itu, pihaknya turut mengagihkan sumbangan barang keperluan asas kepada 100 keluarga berbilang kaum dan agama yang memerlukan dan tidak berasas baik di sekitar kawasan itu.

Dalam pada itu, Soon Hee menyatakan komitmennya untuk membantu lebih ramai rakyat Malaysia yang terjejas dan kehilangan pekerjaan serta pendapatan akibat pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac lalu.

“Kita harap ekonomi Malaysia kembali pulih dan Covid-19 pula cepat berakhir dan dengan cara itu saya mampu meneruskan sumbangan ini pada bila-bila masa, tidak mengira bangsa dan agama mengikut kemampuan,” katanya lagi. – MalaysiaGazette